

Jenis Seramik Perdagangan di Semenanjung Malaysia: Berdasarkan Koleksi di Muzium dan Ekskavasi Arkeologi

The typical of Trade Ceramic in Peninsula Malaysia: Based on the Collection from Museum and Archaeology Excavation

ASYAARI MUHAMAD

ABSTRAK

Pengetahuan asas mengenai setiap jenis seramik perdagangan yang ditemui sama ada melalui kajian arkeologi atau dipamerkan di muzium amat penting bagi penyelidik arkeologi. Ini kerana rata-rata penemuan kajian arkeologi sama ada di darat mahupun di dalam air, banyak ditemukan seramik dalam bentuk serpihan dan kurang yang lengkap bentuk dan sifatnya. Dengan mengenal pasti setiap jenis artifak seramik yang ditemui itu akan membantu penyelidik menyelesaikan beberapa isu. Antaranya isu-isu yang berkaitan dengan asal usul tempat seramik itu dihasilkan, usia, jenis, bentuk, corak hiasan dan fungsi seramik tersebut. Kajian arkeologi di Malaysia sejak 45 tahun yang lalu telah menemukan ribuan serpihan seramik yang diperdagangkan di rantau ini. Pengenalpastian identiti seramik tersebut telah menyelesaikan beberapa isu khususnya tentang jenis, asal-usul, usia serta fungsi seramik tersebut dihasilkan. Beberapa kaedah dikenal pasti bagi mengenal pasti setiap serpihan seramik yang ditemui. Antaranya melalui kaedah analisa kualitatif dan kuantitatif. Pemerhatian secara fizikal melalui kaedah tertentu dan analisa saintifik seperti menggunakan kaedah karbon C14, Thermoluminescence, EXR dan XRD banyak membantu ahli arkeologi mengungkap sejarah, asal-usul dan fungsi setiap penemuan seramik tersebut. Melalui pengecaman setiap seramik yang ditemui itu, secara tidak langsung dapat memberi pandangan baru terhadap interpretasi data arkeologi zaman kini.

Kata kunci: Seramik; arkeologi; perdagangan

ABSTRACT

A basic knowledge on the different types of trade ceramics found as a result of archaeological research or as displayed in museums is very important for a researcher in archaeology. This is because land-based or underwater archaeological investigations frequently uncover lots of ceramics either in small discrete sherds or incomplete vessels. Having the ability to identify each and every type of ceramics found will greatly enhance the ability of the archaeologist to solve several important issues. These issues include the ceramics' original place of fabrication, age, type, shape or appearance, decoration patterns, and its ultimate function. Archaeological investigations in Malaysia for the past 45 years have uncovered numerous ceramic sherds that have been traded in the Southeast Asian region. The identification of these ceramics have clarified several issues, especially about its type, origins, age as well as the function for which the ceramics in question was fabricated. Several methods were developed for the purpose of identifying each ceramic sherd found. Some these methods involved qualitative and quantitative analyses. Physical observations by means of specific methods and the use of scientific analyses such as C-14 Radio-carbon dating, Thermoluminescence, ERF and XRD have enabled archaeologists to reconstruct the history, origins and functions of each ceramics find. The ability of identify each ceramics find, indirectly, enables us to have a whole new understanding of how archaeological data is interpreted today.

Keywords: Ceramics; archaeology; trade.

PENGENALAN

Seramik atau dalam bahasa Yunani disebut sebagai ‘ceramos’ bererti benda yang diperbuat dari tanah liat. Berdasarkan kepada pengertian tersebut, kesemua benda yang dihasilkan dari tanah liat, kemudian dibakar dengan kadar suhu

tertentu dikategorikan sebagai seramik. (E. Edward McKinnon 1991: 1). Di Semenanjung Malaysia terutamanya di tapak arkeologi, banyak ditemukan dengan pecahan seramik purba ini. Kewujudan seramik ini dalam jumlah yang banyak, pelbagai warna, bentuk, corak hiasan dan saiz telah membuka lembaran baru terhadap para penyelidik untuk

memikirkan beberapa isu berhubung dengannya. Persoalan pertama yang sering dihadapi oleh penyelidik terutamanya arkeologis, peminat seni dan barang antik ini ialah dari manakah asal usul seramik yang dijumpai itu? Kenapa ia berada di situ? Siapa yang membawanya? Apakah kegunaannya dan fungsinya? Persoalan-persoalan ini akan terjawab sekiranya para penyelidik tadi mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas terhadap seramik purba.

Sumber pengetahuan maklumat tentang seramik purba ini banyak terdapat dalam buku terutamanya dalam bahasa Inggeris, China, Jepun, Thailand dan lain-lain. Namun, kita di Malaysia selain daripada dapat melihat gambar dan maklumat dari buku tersebut, kita juga dapat melihatnya pada ruangan koleksi di muzium seluruh negara, hasil aktiviti ekskavasi arkeologi sama ada di daratan ataupun di dalam air, di kedai antik dan koleksi peribadi. Kebanyakan koleksi seramik purba yang dipamerkan di muzium tempatan adalah dalam keadaan lengkap atau separuh lengkap diperoleh sama ada dibeli, hadiah atau sumbangan individu dan syarikat tertentu manakala hasil koleksi daripada penyelidikan arkeologi daratan pula hampir 90% adalah dalam keadaan pecah. (Asyaari Muhamad 1998: 7)

Namun, bagi pengkaji seramik purba ini terutamanya arkeologis, kurator muzium, sejarawan, penjual barang antik, pengumpul dan penggemar barang antik, perkara ini amat penting dan mustahak bagi mereka. Ini kerana dengan mengkaji seramik purba yang terdapat di kebanyakan tapak arkeologi di Semenanjung Malaysia dan juga di muzium mereka dapat sekurang-kurangnya pengetahuan masa lepas berdasarkan sejarah pembuatan, pengedaran seramik, aktiviti perdagangan dan perekonomian, fungsi seramik suatu ketika dahulu seterusnya dapat merekonstruksi semula sejarah sesebuah bangsa dan negara. Dari sudut kesenian pula seramik yang asli, lama, cantik dan mempunyai nilai estetika yang tinggi boleh mencecah hingga jutaan ringgit.

Dari sejarah asal usul seramik ciptaan manusia, wujud sejak zaman prasejarah lagi terutamanya di akhir zaman Mesolitik/Hoabinh atau awal Neolitik kira-kira 10,000 tahun lampau. Seramik di peringkat awalnya merupakan tembikar tanah yang mempunyai kadar pembakaran yang rendah berbanding dengan jenis seramik pada zaman berikutnya. Melalui kajian seramik dilihat dapat direkonstruksikan beberapa hasil kegiatan masyarakat, kebiasaan dan tingkah

laku masyarakat yang pernah menciptanya. (Santoso Soegondho 1996: 436). Kajian tentang seramik juga dapat menerangkan sesuatu kemungkinan tentang perdagangan, persebaran penduduk, kesenian, kepercayaan dan tingkat teknologi masyarakat yang menghasilkannya. (Kramer 1969: 26; Langmaid 1978: 9). Sejak itu seramik dihasilkan dan digunakan oleh manusia secara meluas. (Gardner 1978; Thomas 1982; Zhiyan & Wen 1984).

Seramik yang terdapat di Semenanjung Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis, warna dan corak hiasan. Ada yang berasal dari tempatan dan ada yang diimport. Seramik tempatan lebih kepada jenis tembikar tanah seperti buyung, kendi, mangkuk, geluk, periuk dan tempayan tanah. Manakala seramik yang diimport pula ialah seperti tempayan, mangkuk, kendi dari jenis tembikar tanah dari China abad 18–19 Masihi, tembikar tanah berglais dari China abad 19 Masihi, tembikar tanah Thailand abad 15–18 Masihi, tembikar tanah Khmer abad 15 Masihi, tembikar batu China abad 11–19 Masihi, tembikar batu Thailand seperti Sukhothai dan Sawankhalok abad 13–15 Masihi, tembikar batu Vietnam abad 15 Masihi, tembikar batu Khmer abad 15 Masihi, porselin China jenis celadon zaman Song abad 11–13 Masihi, porselin putih zaman Song abad 11–13 Masihi, porselin China zaman Ming abad 15–17 Masihi, porselin China zaman Ching abad 18–19 Masihi, porselin Eropah abad 19 Masihi, porselin Vietnam abad 15–16 Masihi, porselin Temuku dari Jepun, porselin dari Timur Tengah dan beberapa jenis tembikar yang lain. (Asyaari Muhamad 2005: 12)




FOTO 1. Kebanyakan seramik perdagangan yang terdapat di tapak arkeologi di Semenanjung Malaysia berada dalam keadaan pecah.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

Terdapat tiga jenis seramik yang diperoleh di Semenanjung Malaysia. Ia adalah seramik jenis tembikar tanah, tembikar batu atau porselin. Ini amat penting kerana ianya dapat memberi gambaran menyeluruh tentang jenis, corak hiasan serta motif hiasan yang terdapat dalam keseluruhan koleksi seramik di Semenanjung Malaysia.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan kawasan di Asia Tenggara ini mempunyai persamaan dari segi taburan seramik yang didagangkan terutamanya dari China dan kawasan di lingkungan rantau tersebut. Faktor geografi yang sedemikian rupa memudahkan lagi tempo peredaran seramik dari China dan di rantau ini sendiri. (Lihat peta 1)



PETA 1. Laluan perdagangan kuno antara Timur dan Barat.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

SERAMIK DAN MASYARAKAT

Perihal pentingnya kajian seni melalui pendekatan arkeologi itu dapat dilihat dari aspek tahap-tahap perkembangan sesuatu hasil seni yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat itu dan mereka gunakan. Dalam konteks masyarakat Melayu di rantau ini, bahan atau hasil seni yang ditemui di tapak arkeologi di wilayah tersebut mungkin berasal dari tempatan atau pun artifak dari luar (negara jiran atau negara lain di dunia ini). Melalui kajian seramik, kita boleh memperoleh banyak maklumat daripadanya yang secara tidak langsung dapat memberi kepada kita pengetahuan tentang kebudayaan sesebuah masyarakat. Hakikatnya, barang berbentuk seramik atau tembikar sebenarnya tidak boleh lari dari kehidupan harian kita. Bermula dengan makan, minum, perhiasan rumah, alat kebesaran, alat kemegahan malah sehingga mati pun ada orang

masih menggunakan. Dalam erti kata yang lain, mengkaji dengan lebih mendalam tentang kebudayaan sesebuah masyarakat iaitu melalui satu alat keperluan, bukan sahaja akan mendedahkan kita kepada hakikat betapa wujudnya kepelbagai sistem kepercayaan dan amalan sesebuah masyarakat itu. Selain itu, dengan mengkaji seramik baik dari luar atau pun tempatan, kita dapat melihat suatu hasil penciptaan hasil seni yang indah lagi kreatif, unik dan penuh dengan simbolik berdasarkan nilai yang didukung oleh sesebuah masyarakat yang menghasilkannya. Justeru itu secara tidak langsung kita boleh melihat daya kreativiti, teknologi serta pemikiran sesebuah masyarakat yang terpancar melalui hasil seninya iaitu seramik. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dengan terdapatnya pelbagai bentuk seramik, warna, corak hiasan serta fungsi seramik tersebut akan menyerlahkan lagi kebudayaan sesebuah masyarakat itu.

ASAL-USUL SERAMIK DI ALAM MELAYU

Dalam membicarakan perihal berkenaan dengan seni seramik di Alam Melayu ini, ia merangkumi satu kawasan geografi yang agak luas seperti di Malaysia, Indonesia, Thailand, Kemboja, Brunei, Myanmar dan Filipina. Namun demikian pada tahap awalan, pemerhatian terhadap seni seramik ini hanya difokuskan kepada beberapa buah negara sahaja. Namun demikian, hampir keseluruhan seramik yang terdapat di rantau Alam Melayu ini terutamanya seramik yang dibawa dari luar adalah sama kecuali beberapa jenis seramik yang dihasilkan oleh penduduk tempatan di setiap negara tersebut. Terdapat beberapa jenis seramik yang dihasilkan di kalangan penduduk tempatan di rantau ini berasal dari kawasan setiap negara yang menghasilkannya. Umpamanya seramik jenis Sawankhalok dan Sukhotai adalah berasal dari negara Thailand, seramik jenis kendi dikatakan berasal dari Alam Melayu, seramik porselin biru dan putih Vietnam berasal dari Vietnam. Manakala seramik yang dibawa dari luar ke Alam Melayu pula adalah seperti seramik dari negara China, Timur Tengah dan Eropah. Antara kesemua ini, seramik yang paling banyak tersebar luas ke Alam Melayu ini datangnya dari negara China.

ASAL USUL SERAMIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Di Semenanjung Malaysia, antara seramik terawal yang dikesan ialah tembikar tanah yang ditemui di tapak zaman prasejarah. Misalnya di Kodiang, Kedah, Lembah Lenggong, Perak, Kuala Selinsing, Perak, Gua Bewah, Kenyir, Gua Taat, Gua Cha Kelantan, Gua Gelanggi di Pahang, Gunung Senyum di Pahang dan lain-lain lagi. Namun demikian seramik ini kesemuanya dihasilkan oleh penduduk tempatan iaitu masyarakat zaman prasejarah. Pada zaman Kerajaan awal, misalnya semasa pemerintahan Kerajaan Sriwijaya, Kerajaan Majapahit, Kerajaan Kedah Tua dan sebagainya terdapat unsur-unsur atau seramik yang diimport atau didagangkan di rantau ini. Namun demikian seramik yang dihasilkan di kalangan masyarakat tempatan juga ada tetapi tidak banyak.

Sejarah mengeksport seramik dari negara luar hingga ke Alam Melayu khususnya dan Semenanjung Tanah Melayu pada waktu itu, dapat diketahui melalui bukti peninggalan arkeologi dan dari sumber bertulis. Antara negara yang pernah mengeksport seramik hingga ke Alam Melayu ialah seperti dari Timur Tengah khususnya dari Parsi, China dan Eropah. Secara umumnya, semasa wujudnya sistem perdagangan suatu ketika dahulu, selain daripada barang seramik, barang lain juga ada dibawa sekali ke Alam Melayu melalui kapal atau tongkang. Misalnya, rempah ratus dari India dan Timur Tengah, sutera, batu permata dan lain-lain. Antara jenis seramik yang pernah didagangkan di Semenanjung Malaysia ketika itu ialah seperti berikut:

TEMBIKAR CHINA ZAMAN SONG (960 – 1126 MASIHI)

Terdapat beberapa jenis seramik di zaman Song. Antaranya ialah seperti celadon hijau, tembikar batu berglais, tembikar putih, porselin atau Qing-bai atau sesetengah sumber menamakannya sebagai Ching-pai. Ini dapat digambarkan melalui sebuah buku dari Dinasti Song yang bertajuk “Ping Zhou Ke Tan” atau “*Discourse on the Floating Island*” yang memetik kenyataan berikut:

“... among the goods exported, porcelain and pottery remained the main item; the big pieces enveloping the small ones; and there was hardly any space left between them.”

(Grace Wong 1979: 87)

Namun demikian, apa yang menarik perhatian di sini ialah segala artifak seramik seperti yang dinyatakan di dalam petikan di atas itu disertakan bersama-sama dengan barang yang lain sebagai satu alat pertukaran barang antara Maharaja China dengan pemerintah di kebanyakan negeri di Asia Tenggara ini. (Grace Wong 1979: 87) Seramik yang dihasilkan pada zaman Dinasti Song ini terutamanya jenis celadon, tidak banyak jenis dan fesyennya. Misalnya, di stor Song Hui Yao terdapat banyak simpanan porselin. Antara porselin yang disimpan di sini ialah porselin putih dan bekas porselin simpanan arak dari Mingzhou, Yuezhou, Youzhou, Dingzhou dan Qingzhou.

Kajian dari sumber China seperti yang terdapat dalam penulisan buku yang bertajuk “Song Shi” dan “Song Hui Yao”, mendapati hanya terdapat satu jenis porselin sahaja yang menjadi alat pertukaran barang antara Kerajaan Song dengan Kerajaan Asia Tenggara ketika itu iaitu porselin putih. Dalam buku “Song Shi” bab 489 dan buku “Wen Xian Tong Kao” tercatat mengenai berikut:-

“... in the year 963, the Maharaja of Srivijaya sent a mission to the Chinese Court; the gifts returned included tails of the white yak, white porcelain, silverware, lacquerware and two sets of embroidered saddles and harness...”

(Grace Wong 1979: 88)

Proses perhubungan antara China dengan Asia Tenggara semasa pemerintahan Maharaja zaman Dinasti Song ini jelas menunjukkan wujudnya misi perdagangan dan politik antara kedua-dua belah pihak. Keadaan ini jelas sama berlaku ketika zaman Ming. Selain itu semasa pemerintahan Maharaja zaman Song juga perhubungan antara China dengan kerajaan Asia Tenggara ini bertujuan untuk menarik perhatian dan menjemput pedagang Asia Tenggara ke China untuk tujuan perdagangan. Di Semenanjung Malaysia, antara tapak arkeologi yang sering menemukan jenis seramik ini ialah seperti di Lembah Bujang, Kedah, Pulau Pinang, Tanah Merah, Kelantan, Beruas, Perak, Kota Melaka, Pulau Tioman, Kota Johor Lama, Kota Tinggi, Kota Panchor dan Sayong Pinang di Johor. Penemuan ini jelas membuktikan bahawa pada zaman tersebut seramik ini pernah didagangkan di kawasan tersebut.

SERAMIK CHINA ZAMAN MING ABAD 14 – 17 MASIHI (1368 – 1644)

Pada pertengahan abad ke 14 Masihi, terdapat peningkatan dari segi pengeluaran perusahaan

seramik di China terutamanya di daerah Jingdezhen. Di daerah ini telah dikenal pasti sebagai daerah pengeluar utama seramik jenis porselin biru dan putih ketika itu. Ini bermakna, seramik celadon Lung-Chuan yang terkenal itu mula beransur-ansur merudum. Kepopularitian porselin biru dan putih ini akibat daripada keindahan seni yang ditampilkan pada hiasan, warna dan pembakarannya. Penggunaan kobalt dioksida untuk menghasilkan warna biru amat memberi kesan kepada perusahaan seramik ini. Ukiran yang terdapat pada porselin biru dan putih ini amat jelas dan ketara, hampir menyeluruh pada bahagian porselin sehingga ia amat popular di kalangan pasaran antarabangsa seperti di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat, Afrika dan Eropah.

Sejak porselin biru dan putih ini diperkenalkan di pasaran antarabangsa pada zaman Yuan abad 14 Masihi, porselin ini amat popular. Tarikh bilakah ianya mula-mula sekali diperkenalkan masih menjadi isu perdebatan. Hasil kajian arkeologi terkini iaitu pada tahun 2009, di Wilayah Tengah China, para pengkaji telah menemui beberapa serpihan porselin biru dan putih yang terawal di China. Ia dikatakan wujud sejak zaman Dinasti Tang (618-906). Namun demikian, sesetengah bukti mendedahkan ia dihasilkan tidak berapa banyak sebelum awal abad ke-14 Masihi zaman Yuan atau dinasti Mongol. Menurut Harry Garner, porselin biru dan putih ini pada pertengahan abad 14 Masihi masih dianggap masih baru dan belum memenuhi impian atau cita rasa Maharaja ketika itu (Harry Garner 1970: 12). Walau bagaimanapun, teknik melukis di bawah lapisan berglais mula dipraktikkan di Hunan dan Szechwan semasa zaman Tang Dinasti lagi dan lebih menonjol lagi apabila terhasilnya seramik jenis Tz'u-chou semasa dinasti Song. (M. Sullivan 1984: 196) Pada akhir abad ke-14 Masihi barulah China memulakan pembuatan porselin biru dan putih secara mahir dan mencapai tahap kegemilangannya pada abad 15 Masihi iaitu semasa Dinasti Ming. Antara porselin biru dan putih zaman ini dihasilkan dan menjadi amat terkenal ialah sepasang bekas mangkuk yang terdapat di Percival David Foundation di London, yang berasal dari sebuah kuil di wilayah Kiangsi pada tahun 1351 yang menggambarkan kepakaran dan kemantangan dalam menghasilkan porselin tersebut (J. Carswell 1985: 27).

Semasa perkembangan awal perindustrian porselin biru dan putih ini, ia terletak di Jingdezhen di Jiangxi atau daerah (Kiangsi). Kawasan ini

menjadi pengeluar terkenal industri seramik sejak abad ke-10 Masihi iaitu semasa pemerintahan Dinasti Tang. Ia amat bersesuaian dengan kawasan tersebut kerana di sini terdapat banyak sumber bahan mentah seperti tanah liat kaolin dan tanah liat putih (petuntse) yang terdapat di Pergunungan Jiangxi.

Pada abad 14 Masihi, China mula mewarnakan porselin dengan warna merah yang diperoleh daripada oksida tembaga. Kaedah ini digunakan semasa pemerintahan Maharaja Hsuan – Te (1426 – 1435), Cheng Hua (1465 – 1487) dan Wan Li (1573 – 1619). (D.F Lunsingh Scheurleer 1974: 33) Namun demikian oleh kerana kesukaran mendapatkan warna merah ini serta menggunakan maka setelah itu oksida besi merah digunakan pada porselin enamel bagi menggantikannya dengan oksida tembaga. Penggunaan warna merah pada porselin itu diwarnakan di atas glais.

Berikut antara nama dan jenis porselin dari China dari zaman awal Ming hingga akhir Ming. Kebanyakan jenis porselin ini dihasilkan untuk tujuan dieksport ke luar negeri melalui laluan maritim atau jalan laut dari timur ke barat China.

Wu – Ts’ai atau ‘Lima Warna’

Hiasan dilakukan di atas permukaan yang berglais. Ia muncul pada zaman awal Dinasti Ming. Jumlah lima warna bermaksud dihiasi sekurang-kurangnya antara dua hingga lima warna. Warna biru biasanya diwarnakan di bawah permukaan yang berglais dan dibakar pada permulaannya dan diikuti dengan mewarnakan atau mencorakkan dengan warna lain selepas itu. Warna yang digunakan ialah merah, hijau, hijau kebiruan, kuning dan ungu manakala lingkaran hiasan pula berwarna hitam atau merah digunakan. Kadang kala warna keemasan digunakan pada tahap pembakaran yang ketiga. (D.F Lunsingh Scheurleer 1974: 34)



FOTO 2. Porselin Wu-Chai (Lima Warna) awal Ming abad 14 Masihi.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

Porselin biru dan putih zaman Ming yang terkenal pada abad ke-15 Masihi pula dianggap muncul semasa pemerintahan tiga Maharaja Ming yang terkenal iaitu semasa Yung-lo (1403 – 1424), Hsuan-te (1426 – 1435) dan Ch'eng-hu (1465 -1487). Semasa pemerintahan Yung-lo, ciri-ciri yang terdapat pada porselin biru dan putih ini ialah dihiasi dengan corak biru klasik. Semasa Hsuan-te pula mutu kualiti yang tinggi serta ketelitian penghasilan porselin biru dan putih pula dihasilkan. Nama porselin biru dan putih pada zaman ini dinamakan sebagai Hsuan-te atau Xuande. Kobalt yang diimport dari Timur tengah digunakan ketika itu yang mengandungi sedikit warna biru kehitaman atau coklat. (Barbara Harrisson 1972: 44)

Porselin Swatow zaman Ming

Istilah porselin Swatow merupakan nama yang diberi oleh pedagang dari China yang merujuk kepada porselin jenis kasar. Porselin jenis ini juga diambil dari sebuah bandar yang bernama Swatow yang terletak di bahagian tenggara China di daerah Kwantung. (D.F Lunsingh Scheurleer 1974: 41) Menurut Syarikat Hindia Timur Belanda, porselin

jenis ini berasal dari sungai Chincheuw yang bermaksud dari ‘Perairan Fukien’. Di sini terdapat beberapa buah pelabuhan seperti Ch'uan-Chou, Chang-Chou dan di sepanjang perairan kepulauan Amoy dan Quemoy. Sesetengah pendapat pula mengatakan bahawa porselin biru dan putih jenis ini berasal dari Fujian, Guangdong dan Zhejiang yang diusahakan oleh individu tertentu. Perdebatan tentang asal usul lokasi perusahaan porselin Swatow ini telah lama menjadi isu di kalangan ahli arkeologi Asia Tenggara. Lokasi tapak tanur atau dapur pembakarannya tidak jelas diperkatakan walaupun para penyelidik mengesahkan bahawa porselin ini tidak dihasilkan di Swatow atau daerah yang berhampiran dengannya. Tinjauan terkini tentang lokasi sebenarnya oleh Pinghe dan Huaan Muzium di selatan Fujian menyimpulkan bahawa kemungkinan tentang lokasi sebenar penghasilan porselin Swatow mula menampakkan hasilnya. Beberapa porselin jenis Swatow termasuklah corak **Kraak**, dikenal pasti dengan jelas bahawa ia berasal dari Pinghe dan Huaan. Perkara ini telah disahkan oleh Luo Lihua dalam menyiapkan tesis sarjananya pada tahun 1991. (Chuimei edt. 1993: 2)

Secara perincian lagi, ciri-ciri porselin Swatow ini ialah kasar, bersaiz besar dan terdapat bekas-bekas kotoran dalam penghasilannya terutamanya di bahagian dasar mangkuk atau pinggan. Antara jenis porselin Swatow ini ialah berupa bekas kegunaan harian seperti pinggan, mangkuk dan kendi. (Peter Y.K. Lam 1985: 132) Warnanya ialah biru kusam berglais dan tidak rata lepaan glaisnya, terdapat kesan gelembung pada permukaan berglais, di bahagian lingkaran kaki ada yang berglais dan ada yang tidak berglais, di bahagian bawah atau dasar terdapat kesan pasir yang melekat. (E. Edward McKinnon 1991: 75) Menurut Ottema, porselin ini terutamanya jenis pinggan tidak diletakkan di atas meja kerana permukaan di bahagian dasarnya yang bulat serta berkaki. Semasa penyajian makanan pinggan Swatow ini diletakkan di bawah. Terdapat motif hiasan seperti gambar rusa, itik, badak sumbu, ketam, udang lobster, burung phoenix atau dikenali sebagai **fe'ng-huang**, naga dan juga pemandangan. (D.F Lunsingh Scheurleer 1974: 41)

Semasa pemerintahan Maharaja Ming yang terakhir iaitu T'ien Chi (1621–1627) dan Chung Cheng (1628–1645), bibit-bibit kejatuhan perusahaan porselin biru dan putih zaman Ming ini mula nampak ketara. Kesan daripada ini, kebanyakan perindustrian porselin zaman ini diambil alih oleh orang perseorangan terutamanya

di tapak tanur Jingdezhen dan di bahagian perairan tenggara pelabuhan China selatan. Perindustrian porselin biru dan putih ketika ini mendapat saingan yang hebat terutamanya daripada pengeluar dan pengusaha porselin dari Jepun. Walau bagaimanapun, perindustrian porselin biru dan putih China ini telah diambil alih dan disambung perusahaannya ketika pemerintahan Dinasti Ching antara pertengahan abad 17 Masihi hingga ke awal abad 20 Masihi (1644 – 1912).



FOTO 3. Pinggan porselin Swatow abad 15 Masihi.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.



FOTO 4. Pinggan porselin Swatow di Muzium Seni Asia.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.



FOTO 5. Satu lagi dapur jenis “naga” tradisional zaman Ming yang ditemui di dapur pembakaran Na Ann, di Fujian.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

SERAMIK ZAMAN DINASTI CHING ABAD 17 – 20 MASIHI (1644 – 1912)

Pada tahun 1680, bermulalah titik kegemilangan kembali sejarah perusahaan seramik di China terutamanya perusahaan porselin apabila Maharaja China yang muda ketika itu, Kiang-Hsi memulakan perancangan serta rombakan baru dalam perusahaan tersebut. Rombakan organisasi perusahaan ini bermakna dua tahap baru akan diperkenalkan. Tahap pertama ialah tahap pengurusan oleh superintenden di tapak dapur pembakaran Diraja diuruskan secara langsung kepada pemerintah di bawah pengurusan Badan Pekerja Awam. Ini bermakna satu badan dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan porselin hanya untuk kegunaan istana. Kedua, pengurusan yang bertanggungjawab untuk menghasilkan porselin untuk pasaran tempatan dan juga luar negara. (Margeret Medley 1980: 240-241) Di bawah pemerintahan Maharaja Kiang-Hsi inilah pengeluaran serta mutu kualiti porselin di China pada abad ke-18 Masihi amat terkenal. Ketika ini juga Maharaja China itu telah menerima sentuhan serta pengaruh dari Barat dengan melakukan beberapa penambahan dari aspek corak hiasan serta warna. Porselin yang dihasilkan itu boleh dikenali dengan warna merah jambu bunga ros yang disalut di atas permukaan berglais yang diberi nama *famille rose*. (Margeret Medley 1980: 240-241) Maka pada zaman pemerintahan Dinasti Ching ini jugalah lahirnya porselin seperti *famille verte*, *famille noire*, *famille jaune*, *Nyonya ware*, *Kitchen-Ching*, *Shanghai wares* dan *café au let*.

Nyonya Wares

Porselin jenis ini merupakan sejenis porselin polikrom enamel berglais yang berasal atau dihasilkan di Ching-te' Chen yang terletak di daerah Kiangsi untuk dieksport ke negeri-negeri Selat. Porselin jenis ini tidak sama fungsinya sebagai alat pinggan mangkuk untuk kegunaan sehari-hari seperti mana porselin biru dan putih. Ia hanya digunakan pada waktu tertentu misalnya pada majlis-majlis rasmi dan kebesaran seperti majlis perkahwinan, sambutan hari jadi, ulang tahun perkahwinan atau pada sambutan Tahun Baru China. Justeru itu porselin ini diukir dan dicorakkan dengan pelbagai warna bagi memeriahkan suasana setiap pasangan yang berkahwin semoga berpanjangan umur. (Lim Suan Poh 1981: 17) Ia banyak dihasilkan untuk dieksport pada sekitar abad 19 Masihi dan 20 Masihi. Ia banyak didapati di negeri-negeri yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Ia hanya digunakan oleh keluarga tertentu sahaja terutamanya yang berkedudukan dan kaya dan bukannya bergantung kepada banyak mana seseorang itu memiliki atau sebaik mana kualiti porselin itu. Hal ini sama juga dengan penggunaan porselin jenis Bencharong dari Thailand dan Lai Nam Thong di mana ia digunakan oleh keluarga tertentu dan terdapat tanda atau simbol keluarga tertentu pada bahagian porselin. (Lim Suan Poh 1981: 17)

Tembikar Nyonya ware ini juga dikenali dengan nama porselin Negeri-negeri Selat yang merujuk kepada penggunaannya secara khusus di ketiga-tiga buah negeri yang telah dinyatakan tadi. (Ho Wing Meng 1987: 29) Antara ciri-ciri yang terdapat pada porselin ini ialah ia mengalami dua kali proses pembakaran. Proses pembakaran pertama dibakar pada kadar suhu pembakaran yang tinggi berbanding dengan proses pembakaran kali kedua, ia berglais dan dibakar pada satu tempat serta dihiasi dengan pelbagai corak dan warna. Walaupun ia dikatakan berasal dari Ching-te' Ch'en porselin ini dihantar ke pelabuhan Canton dan kemungkinan enamelnya dihasilkan di Shanghai. (D.F Lunsingh Scheurleer 1974: 209) Motif hiasan Nyonya ware ini terdapat lambang-lambang kesejahteraan atau keserasian mengikut cita rasa kaum China lama. (E. Edward McKinnon 1991: 72) Pada porselin ini juga terdapat tanda tempat ia dihasilkan seperti dari Ching-t'e Chen serta nama orang yang membuatnya. Dari aspek motif hiasan pula ia berwarna warni. Pada bahagian sempadan atas porselin ini terdapat

pelbagai warna seperti merah jambu, ungu muda di atas lapisan glais hijau. (Lim Suan Poh 1981: 22)



FOTO 6. Famille Verte zaman Kiang-Hsi

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.



FOTO 7. Famille Rose abad ke- 18 Masihi.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

Kitchen – Ching

Satu lagi jenis porselin biru dan putih dari China yang penting untuk dinyatakan di sini ialah porselin Kitchen-Ching. Dari segi terminologinya ia berasal dari perkataan China yang tertulis *min yao* atau *min hsien tz'u ch'i*. Porselin jenis ini paling banyak dihasilkan untuk kegunaan masyarakat China khususnya pada abad ke-19 Masihi hingga 20 Masihi dan juga diperdagangkan hingga ke rantau

ini. Ia merupakan sejenis porselin yang popular di kalangan masyarakat kini dan digunakan secara meluas dan harganya murah. Terdapat pelbagai jenis motif hiasan pada porselin jenis ini. Antaranya terdapat motif hiasan yang menggambarkan kesejahteraan dengan terukirnya perkataan seperti '*fu*' yang bermaksud kegembiraan serta kehidupan yang berpanjangan. Motif hiasan fauna, flora, geometri dan juga pemandangan juga sering diukir pada porselin ini. Antara motif flora yang terdapat pada ukiran porselin ini ialah gambar bunga-bungaan dan cendawan, manakala motif fauna pula ialah ikan dan naga. (William Willetts 1981: 2-3) Terdapat satu ciri yang menarik dalam penghasilan motif hiasan pada porselin ini iaitu terdapatnya pengaruh Islam. Sebagai contohnya terdapat perkataan 'Allah' yang dilukis di atas pinggan Kitchen-Ching ini. Antara bentuk porselin yang dihasilkan ialah bentuk seperti pinggan, mangkuk, cawan, sudu, teko dan lain-lain lagi.




FOTO 8. Tembikar porselin Kitchen-Ching abad 19 Masihi.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

Shanghai ware

Porselin jenis ini dikategorikan sebagai sebahagian daripada porselin Kitchen-Ching. Porselin jenis ini merujuk kepada kualiti serta kuantiti yang dikeluarkan tidaklah begitu banyak berbanding dengan Kitchen-Ching dan digunakan oleh masyarakat dari golongan sederhana atas. Harganya lebih tinggi sedikit dan fungsi kegunaannya bukanlah digunakan pada setiap hari. Antara hasil pembuatan porselin dari

jenis ini ialah pasu bunga yang diletakkan di atas meja perhiasan, tempayan besar yang digunakan untuk mengisi minyak masak dan garam, mangkuk membasuh yang mungkin digunakan semasa perayaan yang tertentu sahaja. Sejenis lagi bentuk porselin Shanghai ini ialah ***Kamcheng*** yang biasanya digunakan sebagai tempat menyimpan ubat-ubatan serta rempah ratus. (William Willetts 1981: 2-3) Pada bahagian porselin jenis Kamcheng ini terdapat ukiran bunga-bungaan serta tertera tulisan ***shuang hsi*** yang membawa maksud kegembiraan berganda. Kebiasaan porselin jenis ini digunakan semasa majlis perkahwinan.

SERAMIK VIETNAM

Antara jenis seramik dari Vietnam ialah porselin biru dan putih, celadon, monokrom, enamel, porselin coklat dan lain-lain. Dari aspek evolusi seramik Vietnam ini, ia tidak dapat dipastikan dengan sebenar tarikhnya mula dihasilkan. Namun demikian terdapat pertemuan awal seramik berglais dari Vietnam ini bertarikh antara 1 Sebelum Masihi hingga 3 Masihi. Seramik dari Vietnam juga sebenarnya tidak begitu jelas asal usulnya sama ada ia berasal semasa zaman Dinasti Han di China yang secara kebetulan pada zaman tersebut terdapat perusahaan membuat gangsa di Vietnam yang berada pada tahap kemuncak. Oleh itu terdapat juga beberapa kemungkinan perusahaan seramik di Vietnam ini bermula pada period tersebut dengan adanya kawasan pembakaran seramik di Guangxi dan Guangdong yang dikatakan mempunyai signifikansi dengan kawasan dapur pembakaran seramik di Vietnam. (Dick Richards 1995: 43) Ini dapat dibuktikan lagi dengan beberapa kajian arkeologi yang dilakukan di Vietnam Utara, dijumpai beberapa seramik Vietnam yang diusahakan oleh orang tempatan dan mempunyai pengaruh gaya seramik dari dinasti Han. Selain itu terdapat juga seramik Vietnam yang dihasilkan untuk tujuan dieksport ke luar dipengaruhi oleh gaya atau motif hiasan dari China. (Dick Richards 1995:43) Kajian arkeologi yang dilakukan sekitar tahun 1920-an dan 1930-an di Than-Hoa, Vietnam juga telah mendedahkan beberapa perkara berkaitan dengan hubungan antara seramik Vietnam yang menerima pengaruh dari China semasa zaman Dinasti Han. Terdapat beribu-ribu objek atau artifak semasa galicari tersebut seperti gangsa, tembikar tanah yang boleh dikaitkan dengan kegemilangan zaman Dinasti Han akhir dan awal zaman Dinasti Song di China.

(Roxanna M. Brown 1977: 5) Selain dari China, seramik Vietnam juga mempunyai pengaruh dari Asia Tenggara seperti Thailand, Khmer dan juga Kepulauan Nusantara. Pengaruh ini terjadi akibat daripada perhubungan antarabangsa terutamanya dari aspek perdagangan, politik dan diplomasi yang dilakukan oleh pemerintah Vietnam sejak abad pertama sebelum Masihi lagi dengan kawasan di rantau Asia Tenggara. Justeru itu terdapat beberapa jenis seramik dari Vietnam yang mempunyai ciri-ciri dan mirip seramik dari Thailand dan Khmer. (Keith W. Taylor 1982: 21) Pasaran seramik Vietnam di kepulauan Jawa dan Sulawesi juga mendapat sambutan yang menggalakkan. (John Guy 1982: 29)

Selain di kawasan Asia Tenggara, Vietnam juga ada melakukan perhubungan antarabangsa dengan Timur Tengah dan juga Jepun. Pada abad ke-9 Masihi misalnya seorang pengembara Arab bernama Ibn Khurdadhbih menulis dalam rekod pengembarnya tentang lawatan dan persinggahannya di pelabuhan Luqin atau (Lung-pien) yang terletak di Hanoi sebelum meneruskan pelayaran ke pelabuhan Kanfu di Guangzhou. (John Guy 1982: 21; D. Leslie. 1987: 148) Mengenai perhubungan perdagangan dengan Jepun pula ia kurang memberi bukti yang kukuh. Namun demikian terdapat laporan jumpaan penyelidikan arkeologi di Kanzeon-ji, Dazaifu, Fukuoka dan Kyushu, Jepun yang menemui beberapa jenis serpihan seramik Vietnam pada abad ke-14 Masihi. Seramik tersebut ialah dua serpihan mangkuk porselin berglais berwarna biru kehitaman dan coklat kehitaman di bahagian dasarnya dan terdapat motif hiasan bunga di bahagian dalam dasar mangkuk. (D. Leslie. 1987: 148)



FOTO 9. Seramik Biru dan Putih abad 15 Masihi dari Vietnam.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

SERAMIK EROPAH

Apabila porselin dari China mula dikenali dan terdapat dalam pelbagai jenis, rupa dan corak yang menarik di Eropah, para pengusaha seramik, pengukir kaca dan ahli kimia kesemuanya mula meniru cara pembuatan porselin dari China. Pencapaian pertama dalam usaha untuk menghasilkan porselin di Eropah mula pada 1575 di Florence di sebuah kilang di Francesco I de Medici di mana porselin dihasilkan berdasarkan kepada porselin biru dan putih dari China abad ke-16 Masihi. Pada abad 17 Masihi, pengusaha porselin di Eropah mula berjaya menghasilkan porselin di negara mereka dengan mencampurkan bahan seperti batu kristal dengan pasir yang boleh dibakar pada kadar suhu pembakaran yang tinggi. Porselin Eropah pertama yang dibuat dengan menggunakan kaolin sebagai bahan asas dan tekstur yang lebih kukuh dihasilkan oleh Bottger di Meissen pada tahun 1709, iaitu selepas beliau menghasilkan tembikar batu berwarna merah. (Awang Hanapi Hj. Maidin 1999: 37) Pada tahun 1710, sebuah kilang Di Raja telah didirikan di Meissen. Kilang yang kedua yang menghasilkan porselin kaolin ialah di Vienna. Penemuan kaolin pada tahun 1768 di Saint Yrieix berhampiran dengan Limoges menyebabkan led Count de Milly menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Art de la porcelaine* pada tahun 1771. (Awang Hanapi Hj. Maidin 1999: 37) Sebelum tanah liat yang digunakan untuk menghasilkan porselin ditemui di Perancis, '*pate tendre*' atau '*soft porcelain*' telah dihasilkan. Kandungan mineral porselin jenis ini terdiri daripada tanah liat, kapur, pasir, plaster dari Paris, soda dan sabun. Porselin Eropah pada permulaannya dibakar pada suhu dari 800°C hingga 1000°C kemudian barulah disapu dengan glais manakala porselin di China pula disalut dengan glais dahulu kemudian baru dibakar dengan kadar suhu antara 900°C hingga 1300°C. Awang Hanapi Hj. Maidin 1999: 37)



FOTO 10. Seramik Eropah abad 19 Masihi

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

SERAMIK THAILAND

Seramik Thailand atau Siam yang terawal ialah seramik jenis tembikar tanah yang dikesan wujud sejak zaman Neolitik lagi. Antara contoh yang terbaik tapak perusahaan tembikar tanah ini ialah di Ban Chiang yang terletak di Bahagian Timur Laut negeri Thai. Ia dikatakan muncul sejak 4000 tahun sebelum Masihi. Namun sejak 2000 tahun sebelum Masihi hingga 600 tahun selepas Masihi, masyarakat prasejarah di Ban Chiang telah mula pandai mengeluarkan tembikar tanah yang menarik motif hiasannya. (Dick Richards 1995: 9) Namun demikian, setelah masyarakat di kawasan tersebut pupus dan berpindah randah, perusahaan tembikar tanah itu telah lopus di kalangan masyarakat Thai lalu digantikan dengan penghasilan jenis seramik yang lebih baik mutunya. Ia digantikan dengan seramik kenang-kenangan yang terdapat pengaruh dari India serta Indonesia telah dihasilkan di bahagian selatan dan barat Thailand semasa pemerintahan kerajaan Mon pada abad kelima hingga kelapan Masihi. (Piriya Krairiksh 1980: 55; John Guy 1989: 26-27). Orang-orang Mon merupakan masyarakat Thai yang pertama sekali mengadakan perhubungan dengan India dan banyak menerima pengaruh dari tradisi India. Selepas itu, lebih kurang dari abad ke sepuluh Masihi hingga tiga belas Masihi, kawasan ini telah berada di bawah penguasaan dan pengaruh dari Kerajaan Khmer terutamanya di bahagian timur Thailand. Justeru itu, seramik Khmer hanya terdapat di bahagian timur Thai hingga ke hari ini. (Dick Richards 1995: 9)

Umumnya, kebanyakan perusahaan seramik di kawasan Asia Tenggara ini menerima pengaruh yang kuat dari China terutamanya semasa zaman Utara Song (960–1127 Masihi). Namun demikian ia tidak berlaku sedemikian di negeri Utara Thailand terutamanya semasa pemerintahan Kerajaan Sukhothai. Di sini ia lebih mudah menerima pengaruh baik dari aspek kesenian, gaya tulisan dan agama dari negara jiran yang terdekat seperti Khmer, India dan Sri Lanka berbanding China. (Dick Richards 1995: 9)

Walau bagaimana pun, Michael Vickery telah membuktikan bahawa terdapat pengaruh dari China terutamanya dari aspek perundangan lama Ayudthyan sejak tahun 1600 dan perundangan lama tersebut telah di aplikasi oleh kerajaan Sukhothai sejak 1569. (Michael Vickery 1993: 1-25) Justeru itu, kemajuan yang bertambah baik dari aspek penghasilan seramik, menyalut lapisan glasair dan membakar tembikar batu pada zaman Sukhothai jelas amat berkaitan dengan kebiasaan yang dilakukan oleh pengusaha seramik dari China. Ringkasnya di sini dapat dikatakan bahawa tembikar dari Thailand ini memang terdapat pengaruh dari luar seperti Khmer, India, Vietnam, Laos dan China.

Di Thailand, seramik yang sering dibicarakan oleh kebanyakan sarjana ialah jenis Sukhothai dan Sawankhalok atau Si-Satchanalai. Namun demikian terdapat juga jenis seramik seperti Kalong, Bencharong, Sankampaeng dan Phan. (Roxanna M. Brown 1977: 46-66) Terdapat satu ciri yang agak menarik dan penting dalam membicarakan seramik Thailand ini ialah seramik porselin biru dan putih dari Thai jarang dihasilkan.

SERAMIK KHMER

Seramik Khmer yang terawal dipercayai ditemui di Phnom Kulen pada tahun 879 Masihi. Antara cirinya ialah terdapat lapisan berglais hijau serta lelehan warna putih. (Roxanna M. Brown 1977: 34) Namun demikian seramik Khmer ini boleh dibahagikan kepada empat jenis yang utama iaitu seramik tidak berglais, seramik bercorak tulang, tembikar tanah gaya neolitik, dan tembikar batu yang bergalis yang dibakar pada dapur pembakaran. Seramik Khmer ini ternyata banyak tetapi pengeluaran seramik yang berglais berkurangan jika dibandingkan seramik dari negara Asia Tenggara yang lain. Terdapat beberapa hiasan dipengaruhi oleh imej Hindu-Buddha yang berasal dari India dan Indonesia dan hanya sedikit sahaja

seramik Khmer ini mempunyai pengaruh dari China. (Dick Richards 1995: 51) Kebanyakan seramik Khmer seperti kotak penutup bentuknya hampir sama dengan bentuk tembikar zaman awal India (Gandharan). Tempayan yang besar yang mempunyai bentuk mulut trumpet mempunyai motif hiasan dari India *purna ghata* dan *purna kalasa* yang mempunyai simbol Tuhan Sri Laksmi. (Dick Richards 1995: 51)

SERAMIK TIMUR TENGAH (PARSI)

Seramik jenis ini hanya ditemui di beberapa kawasan sahaja di Semenanjung Malaysia. Antara bukti yang terdapat penemuan seramik jenis ini ialah di tapak arkeologi Lembah Bujang dan Pulau Tioman. Para pedagang dari Timur Tengah khususnya dari Parsi atau Iran pernah menyebut dalam sumber bertulis mereka tentang kewujudan dua tempat tersebut sebagai ‘Kadaha’ atau ‘Kataha’ yang merujuk kepada Kedah dan ‘Tiyumah’ yang merujuk kepada Tioman. (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Yatim 2006. 90). Ciri-ciri, bentuk dan warna seramik dari Timur Tengah ini agak berbeza dengan seramik dari China. Jenis seramik yang dieksport ke kawasan ini adalah dari jenis tembikar batu, berwarna biru kehijauan atau juga dikenali dengan nama ‘The Mohammadian Blue’.



FOTO 11. Seramik jenis Samarra yang terdapat di Muzium Tehran, Iran.

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.




FOTO 12. Pecahan seramik Timur Tengah yang terdapat di Lembah Bujang

Sumber: Asyaari Muhamad 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi.

RUMUSAN

Seramik import yang ditemui di Semenanjung Malaysia khususnya dan di Alam Melayu amnya banyak mempunyai persamaan. Ini jelas kerana kedudukan geografi antara Malaysia, Indonesia, Thailand, Indochina dan Filipina adalah berdekatan, maka taburan seramik yang diimport dari negara pengeluar juga sama. Secara umumnya terdapat lebih daripada 20 jenis seramik yang dieksport melalui Timur, Barat dan Asia Tenggara ke Malaysia sejak awal kurun ke- 10 Masihi lagi. Penemuan pelbagai jenis seramik ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia telah mengadakan hubungan perdagangan antarabangsa sejak 1000 tahun dahulu lagi. Di samping wujudnya aktiviti perdagangan seramik itu, wujud juga hubungan sosial dan politik antara negara pengeksport dan pengimport seramik ini.

Seramik dari China mendominasi penemuan seramik perdagangan di Malaysia. Ia bermula sejak zaman Tang hingga kini. Selain itu terdapat juga seramik di rantau ini yang didagangkan dengan Malaysia seperti seramik dari Indochina, Thailand dan Indonesia. Di samping itu terdapat juga seramik dari Timur Tengah dan Eropah yang sampai ke sini melalui jalur perdagangan laut. Media pengangkutan bahan dagangan ini ialah melalui kapal dan tongkang yang mungkin secara kebetulan datang singgah di pertengahan jalan dari Timur ke Barat atau sebaliknya lalu menjalankan aktiviti perekonomian di Malaysia.

Bukti penemuan jutaan pecahan seramik asing di tapak arkeologi seluruh negara menjelaskan kedudukan sebenar tentang peranan pedagang asing di sini sejak abad ke-10 Masihi lagi. Selain itu terdapat juga bukti melalui penulisan dan catatan oleh para pedagang asing dalam beberapa sumber mengukuhkan bukti tersebut. Selain berdagang, negara kita suatu masa dahulu juga ada menjalankan hubungan dua hala dengan negara pengeksport seramik ini. Buktinya ada beberapa jenis seramik yang tinggi kualiti dan nilainya dihadiahkan oleh pemerintah kerajaan asing kepada pemerintah negara waktu itu sebagai tanda persahabatan jalinan hubungan dua negara.

RUJUKAN

- Asyaari Muhamad. 1998. Sejarah Seni Tembikar di Perak. Dalam. Tesis Sarjana Persuratan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- _____. 2005. Arkeologi dan Seni: Kajian Tembikar Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga abad 16–19 Masihi. Dalam. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Awang Hanapi Hj Maidin. 1999. *Tembikar Vietnam di Negara Brunei*. Muzium Brunei Darussalam: Brunei.
- Brown, Roxanna M. 1977. *The Ceramics of South – East Asia: Their Dating and Identification*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Carswell, J. 1985. *Blue-and-White: Chinese Porselain and its Impact on the Western World*. The United States of America: Congress Printing Co.
- Chuimei. edt. 1993. Acro Update, Quarterly Newsletter, January 1993. Dalam. *Asian Ceramic Research Organization: The Source of Swatow Wares*. The United State of America: Anthropology Department. Field Museum of Natural History.
- Garner, Harry. 1970. *Oriental Blue and White*. London: Faber & Faber.
- Gardner, Elizabeth Jane. 1978. The Pottery Technology of the Neolithic Period in Southeastern Europe. Dissertation. University of California. Los Angeles.
- Guy S, John, 1986. *Oriental Trade Ceramics in South-East Asia Ninth to Sixteenth Centuries*. Singapore: Oxford University Press.
- _____. 1989. *Ceramics Traditions of South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press.
- Harrison, Barbara. 1972. *The Ceramic Gallery of the Brunei Museum at Kota Batu: an introduction to the history of trade ceramics*. Brunei Museum: Brunei Museum special publication no.3.
- _____. 1982. Correlations and Types of Vietnamese Trade Wares: 13th – 19th Centuries. Dalam *Vietnamese Ceramics*. Singapore: Oxford University Press.
- Ho Wing Meng. 1987. *Straits Chinese Porcelain: A collector's Guide*. Singapore: Times Books International.
- Krairiksh, Piriya. 1980. *Art in Peninsular Thailand Prior to the Fourteenth Century*. Bangkok: Depertment of Fine Arts.
- Kramer, Samuel Noah. 1969. *Cradle of Civilization*. Great of Man. Time Life International. Netherland.
- Lam, Peter. 1985. Vietnamese Celadons and their relationship to the Celadon of South China. Dalam *Vietnamese Ceramics: A separate Tradition, Art Media Resources with Avery Press*
- Langmaid, Nancy G. 1978. *Prehistory Pottery*. Aylesbury. Shire.
- Leslie D. 1987. *Essays on the Sources for Chinese History*. Canberra: Australian National University press.
- Lim Suan Poh. 1981. Nonya Ware. Dalam. *Nonya ware and Kitchen Ch'ing*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lunsingh Scheurleer, D.F. 1974. *Chinese Export Porcelain*. London: Faber & Faber Limited Press.
- McKinnon, E. Edwards. 1991. Buku Panduan Keramik. Indonesian Field School of Archaeology Trowulan 1 – 21 Jun, 1991. Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional, The Ford Foundation.
- Medley, Margaret. 1980. *The Chinese Potter: A Practical History of Chinese Ceramics*. Oxford: Phaidon Press Limited.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd. Yatim. 2006. *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Richards, Dick. 1995. *South-East Asian Ceramics: Thai, Vietnamese and Khmer*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Santoso Soegondho. 1996. Kajian Tentang Teknologi dan Fungsi Gerabah Gilimanuk dan Plawangan dalam, Jejak-Jejak Budaya II. Asosiasi Prehistorisi Indonesia II. Yogyakarta.
- Sullivan, M. 1984. *The Arts of China*. 3rd. edt. USA: University of California Press.
- Taylor, Keith W. 1982. A Brief Summary of Vietnamese History. Dalam. *Vietnamese Ceramics*. Kuala Lumpur: Southeast Asian Ceramic Society & Oxford University Press.
- Thomas, Gwilym. 1982. *Step by Step Guide to Pottery*. Hamlyn. London.
- Vickery Michael. 1993. The Constitution of Ayutthaya: An Investigation into the ‘Three Seal’ Code. Dalam 5th International Conference on Thai Studies. London: SOAS.
- Willetts, William 1981. Celadon. Dalam. *Chinese Celadons and other related wares in Southeast Asia*. Singapore: National Museum of Singapore and Southeast Asia Ceramic Society.
- Wong, Grace. 1979. Tributary Trade between China and Southeast Asia in the Song Dynasty dalam *Chinese Celadons and Other Related Wares in Southeast Asia*. Singapore: Arts Orientalis Press.
- Y.K.Lam Peter et. All. 1985. *A Ceramic Legacy of Asia's Maritime Trade*. Singapore: Oxford University Press.
- Zhiyan, Li & Cheng Wen. 1984. *Chinese Pottery and Porcelain*. Tradition Chinese Arts and Culture. Foreign Language Press. Beijing.

Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: ereymas@ukm.edu.my

Diserahkan: 8 Disember 2016
Diterima: 10 Januari 2017